

SUATU KAJIAN TERHADAP KECENDERUNGAN PILIHAN SUBJEK – SUBJEK,  
MEDIA DAN WARNA DIKALANGAN KANAK – KANAK YANG BERUMUR 5  
DAN 6 TAHUN

FAZRIL HEZRI BIN MOHD RAMLY

96145789

Tesis ini dikemukakan kepada Fakulti Seni Lukis Dan Seni Reka, Universiti Teknologi Mara sebagai memenuhi sebahagian daripada keperluan Sarjana Muda Seni Lukis & Seni Reka.

1. Diperiksa oleh ..... Tarikh .....
2. Diperiksa oleh ..... Tarikh .....
3. Diluluskan oleh ..... Tarikh .....

Dekan

Fakulti Seni Lukis & Seni Reka

Universiti Teknologi Mara

Kampus Alor Gajah

Melaka

## PENGHARGAAN

Alhamdulillah, bersyukur penulis kepada Allah s.w.t kerana dapat menyiapkan tesis penulis yang bertajuk "Suatu kajian terhadap kecenderungan pilihan subjek – subjek, media dan warna di kalangan kanak-kanak yang berumur lima dan enam tahun".

Di sini penulis mengambil kesempatan untuk mengucapkan jutaan terima kasih kepada Encik Ahmad Rashidi bin Hasan selaku penasihat dan pensyarah yang memberikan idea kepada penulis serta membimbing dan memberikan tunjuk ajar dalam menjayakan tesis ini. Tidak lupa juga kepada pensyarah – pensyarah lain di Fakulti Seni Lukis Dan Seni Reka, Universiti Teknologi Mara, Cawangan Kampus Melaka kerana memberi nasihat dan dorongan untuk melaksanakan kajian tesis ini.

Terima kasih kepada Puan Faizah binti Kassim, guru Taska di Balai Polis Petaling Jaya, Cik Hamidah binti Mohd Ali, guru Tadika Al-Ikhlas, Masjid Tanah, En. Al-Fadzli bin Ghani Wee, kerani di Perpustakaan Hipermedia Majlis Perbandaran Subang Jaya kerana sudi memberikan kerjasama dan meluangkan masa untuk penulis menjalankan kajian untuk tesis ini dan tidak lupa kepada Cik Roslindawati binti Mohamed kerana telah banyak membantu penulis dalam melaksanakan penulisan tesis ini.

Akhir sekali kepada pihak – pihak tertentu yang memberikan kerjasama secara langsung maupun secara tidak langsung. Tanpa bantuan mereka ini mungkin penulis tidak dapat menyiapkan kajian tesis ini. Terima kasih.

## SINOPSIS

Kajian penulisan tesis ini membincangkan tentang tahap kefahaman dan pemikiran kanak – kanak yang berumur lima dan enam tahun tentang pilihan subjek, media dan warna. Melalui kajian ini, akan dapat diketahui tentang pemilihan subjek, media dan warna yang sering menjadi pilihan utama kanak – kanak yang berumur lima dan enam tahun. Dengan ini juga kita akan dapat mengetahui tahap kefahaman, psikologi dan keadaan sekeliling yang mempengaruhi kanak – kanak ini melalui lukisan yang mereka hasilkan.

Kepentingan penyelidikan ini ialah untuk memahami tahap pencapaian kanak – kanak dan memahami pemikiran kanak – kanak melalui penyelidikan dan pemerhatian kepada lukisan yang telah dibuat oleh kanak – kanak yang berusia lima dan enam tahun. Tujuan penyelidikan ini juga ialah untuk guru – guru dan ibubapa untuk memahami, meramal dan mengawal tingkah laku kanak – kanak ini dalam proses pendidikan. Melalui penyelidikan ini juga membolehkan guru dan ibubapa memahami tingkah laku, minat, kebolehan dan kecenderungan kanak – kanak ini. Melalui penyelidikan dan pemerhatian ini juga dapat membantu para guru dan ibubapa dalam membentuk tingkah laku dengan cara memberikan pemerhatian yang khusus kepada kanak - kanak yang bermasalah.

Kajian ini menggunakan kaedah pemerhatian dan temubual. Kaedah pemerhatian dilakukan dengan pemerhatian kepada beberapa Tadika dan Tabika iaitu dengan cara meminta kerjasama daripada guru – guru iaitu dengan mengadakan suatu sesi melukis untuk kanak – kanak ini dengan memerhati subjek, media dan warna yang digunakan oleh kanak – kanak. Kaedah penilaian ialah dengan menilai tingkah laku kanak –kanak dan keadaan sekeliling yang mempengaruhi kanak – kanak melalui lukisan yang dihasilkan. Kaedah temubual dilakukan dengan guru –guru dan juga kanak – kanak. Soalan yang dikemukakan ialah berkisar tentang pemilihan subjek, media dan warna yang digunakan serta tahap kefahaman kanak –kanak.

Daripada maklumat yang diperolehi daripada kajian dan pemerhatian, penemuan yang diperolehi daripada lukisan kanak – kanak lima dan enam tahun ini ialah, kanak –kanak mudah terpengaruh dengan keadaan sekeliling dan apa yang mereka perhatikan setiap hari. Contohnya lukisan yang mereka hasilkan ialah seperti gambar rumah, gambar pokok, gambar kereta dan gambar daripada buku cerita kanak – kanak dan bahan bantuan mengajar. Daripada lukisan mereka ini juga kita dapat mengetahui apakah yang mempengaruhi minda kanak – kanak ini. Daripada lukisan ini juga kita akan dapat mengetahui daya pemikiran, kreativiti, dan imaginasi kanak – kanak ini. Dari segi pemilihan warna pulak, kanak – kanak ini lebih cenderung kepada penggunaan warna – warna yang terang dan cerah. Manakala dari segi pemilihan media kanak – kanak lebih gemar menggunakan pensil warna dan krayon kerana ia lebih mudah digunakan. Walau bagaimanapun, kajian penulisan ini hanyalah diperingkat awal sahaja yang mana kesahihannya masih belum dapat ditentukan lagi.

## **ISI KANDUNGAN**

<b>Penghargaan</b>	i
<b>Sinopsis</b>	ii
<b>Isi Kandungan</b>	iii
<b>Senarai Ilustrasi</b>	v
<b>Bab Satu</b>	1
Pengenalan	1
1.1 Objektif dan tujuan Penyelidikan	2
1.2 Kesignifikan Kajian	3
1.3 Kaedah Dan Prosedur	4
1.4 Kekangan	6
1.5 Penutup	6
<b>Bab Dua</b>	8
2.1 Pengenalan	8
2.2 Psikologi	9
2.3 Psikologi Kanak - Kanak	11
2.4 Terminologi	15
2.4.1 Warna	15
2.4.2 Subjek	16
2.4.3 Media	17

<b>Bab Tiga</b>	19
3.1 Subjek	19
3.1.1 Subjek - Rumah	21
3.1.2 Subjek – kenderaan	26
3.1.3 Subjek – Orang	30
3.1.4 Subjek – Bentuk	32
3.1.5 Subjek – Angka dan Abjad	33
3.2 Warna	35
3.3 Media	37
<b>Bab Empat</b>	40
4.1 Penutup	40
4.2 Penemuan	41
4.3 Cadangan	43
<b>Bibliografi</b>	46
<b>Lampiran</b>	47